

30/04/1998

Mahathir, isteri derma koleksi RM84,000

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri dan isteri menyumbangkan koleksi mata wang asing dan barang kemas peribadi bernilai RM84,000 kepada Dana Khas Negara yang sudah mengutip RM2.5 juta sejak dilancarkan Mac lalu.

Koleksi mata wang asing pelbagai negara milik Dr Seri Dr Mahathir Mohamad dan barang kemas milik Datin Seri Hasmah Mohd Ali, masing-masing bernilai RM15,000 dan RM69,000 akan dilelong.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, berkata Perbendaharaan Negara memutuskan untuk menjual mata wang dan barang kemas milik Perdana Menteri dan isteri dengan kerjasama Persatuan Numistik Malaysia kepada pengumpul bagi mendapatkan nilai yang lebih tinggi.

Hasil jualan lelong itu akan dimasukkan dalam dana itu, katanya dalam sidang akhbar mengenai dana itu di Perbendaharaan Negara, di sini hari ini.

Katanya, orang ramai yang berminat membeli koleksi wang asing dan barang kemas Perdana Menteri dan isteri boleh menulis surat kepada Perbendaharaan Negara.

Wong berkata, kutipan dana itu belum memuaskan berikutan kurang mendapat sambutan rakyat yang dipercayai berpunca daripada kurangnya publisiti.

(END)